



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 5 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MENTERI PERLU DENGAR BANTAHAN AHLI PELADANG BERHUBUNG PEWARTAAN PERATURAN PP 2019, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -6 DENGAR BANTAHAN PELADANG: RAIS, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2 RAIS: HEED OBJECTIONS TO AMENDMENT BY FARMERS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (NAFAS)
4. 5.	PETANI TANGGUNG KERUGIAN, DALAM NEGERI, UM -37 JAWATANKUASA PENYELARAS BAKAL DIBENTUK, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -4	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Menteri perlu dengar bantahan ahli peladang berhubung pewartaan peraturan PP 2019		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	05 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	6	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	411 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 910
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,731



BERSAMA... Dr. Rais (dua dari kanan) bersama Mohd Nazri (kanan), Dr Daud (tengah) dan tetamu lain di majlis itu.

Menteri perlu dengar bantahan ahli peladang berhubung pewartaan peraturan PP 2019

KOTA KINABALU | Ahli politik veteran, Tan Sri Dr Rais Yatim, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mendengar dan mengumpul bantahan daripada para ahli Perubahan Peladang Negeri (PPN) yang menolak pewartaan Peraturan-Peraturan Perubahan Peladang (Pindaan) 2019, yang mereka lihat sebagai satu bentuk campur tangan politik dalam perubahan itu.

"Saya rasa sektor perladangan yang secara nasionalnya diwakili oleh peratuan peladang kita dan pengurusan di bawah lembaganya, serta naungan pihak Menteri Pertanian, perlu dilihat dalam konteks pembangunan negara dan dalam masa yang sama, sebarang penghargaan harus juga diberi kepada akar umbi."

"Ini bermakna suara akar umbi itu lebih penting daripada kuasa eksekutif. Jadi dalam konteks pemilihan pemimpin di akar umbi harus lebih inklusifnya, sebagai penghargaan kepada rakyat berbanding dengan kuasa melantik yang selalunya lebih rendah daripada kuasa mesyuarat agung," katanya.

Dr Rais yang juga Pengerusi Yayasan Budi berkata demikian kepada para pemberita selepas merakamkan Mesyuarat Agung Tahunan Tahunan PPN Sabah ke 32 di Hotel Promenade di sini, pada Khamis.

Bekas Menteri Persekutuan itu bertitik kepada permasalahan yang berpunca daripada pewartaan tersebut, yang mana PPN Kedah, semasa mesyuarat agungnya pada September 26 lalu, telah hampir sebulat suara menolak pewartaan berkenaan dan keputusan tersebut mungkin akan mem-

perangahi PPN-PPN di negeri-negeri lain yang bakal mengadakan mesyuarat agung masing-masing dalam masa terdekat.

Pengerusi PPN Kedah, Dato Abdul Latif Mohd, dalam ucapan berkecuali, menentang pewartaan Peraturan-Peraturan Perubahan Peladang (Pindaan) 2019, membolehkan sebahagian Ahli Jawatan Pengarah (AJP) Perubahan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan PPN dilantik melangkaui kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kata beliau, di peringkat Nafas, seramai enam orang AJP Nafas boleh dilantik di bawah kuasa menteri itu dan hanya lima orang melalui pemilihan mesyuarat agung perubahan tersebut. Manakala di peringkat PPN, seramai lima orang AJP PPN boleh dilantik oleh menteri terbit dan hanya empat orang sahaja dipilih melalui mesyuarat agung PPN.

"Ini menunjukkan bahawa adalah jelas PPN menolak sebarang bentuk campur tangan politik dalam perubahan peladang (PPN) dan perkara ini disuarakan melalui mesyuarat agung," kata Abdul Latif.

Sebelum ini, kesemua 42 PPN yang mewakili 100,000 orang petani di negeri itu membantah sekerat-kerasnya terhadap pindaan komposisi AJP perubahan itu yang dianggap campur tangan politik.

Pindaan yang berkuat kuasa 1 Mei lalu itu, telah mencabut hak ahli-ahli perubahan dan 'merampas' kuasa mereka untuk melantik AJP di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan-

berkenaan.

Pada April lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melakukan pewartaan terhadap Peraturan-Peraturan Perubahan Peladang (Pindaan) 2019 untuk menriformasikan kepimpinan Perubahan Peladang di tiga peringkat iaitu PPK, PPN dan Nafas.

Dr Rais berkata dalam konteks perubahan peladang di Sabah, seperti di negeri-negeri lain, kuasa menentukan para pemimpin dan ahli jawatankuasa haruslah lebih ramai daripada bilangan yang dilantik oleh menteri.

"Ini yang terbaik. Tetapi oleh kerana suasana sekarang, kuasa ini harus diperbaiki dan sekiranya perwakilan itu lebih kepada perantaraan (oleh Menteri) maka imej yang kurang baik, apatah lagi kalau mereka dari golongan tertentu saja."

"Ini akan memberi keadaan yang tidak berimbang. Itu lah yang saya sebutkan, bahawa mengikut laras 'Common Law', orang-orang yang dipilih oleh rakyat perlu diberi lebih keutamaannya daripada kuasa eksekutif yang melantik."

"Jadi dalam perantaraan peladang ini perlu di-normai supaya kita mempunyai trend ataupun kecenderungan yg seragam seluruh negara," katanya.

Beliau berkata sekarang ini, rakyat lebih menentukan dan lebih suka kepada suara ramai daripada yang dipastikan oleh pihak lain untuk mengutamakan logistik dan fungsi-fungsi dalam menajukan pertanian.

"Ini penting agar produktiviti itu dapat kita langunkan dalam suasana muhibbah dan kuasa

yang terserah kepada masyarakat," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Rais berkata beliau akan berhubung dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tentang perkara berkenaan.

"Saya sudah berhubung dengannya dan satu perhubungan yang lebih intim akan dibuat, menyampaikan hasrat supaya kuasa beliau dibawah Seksyen 35 dalam Peraturan-Peraturan tersebut dapat dihuralkan dalam konteks pemberian mandat kepada rakyat."

"Tetapi saya kira dari segi musinnya sudah hampir tamat, jadi untuk mengolah dibawah Seksyen 35 itu hanya menteri tersebut boleh membuat pengecualian."

"Sekiranya di Sabah pemilihan dibuat untuk lima lantikan mesyuarat agung berbanding dengan empat itu lebih baik dan menteri sendiri boleh mengatakan bahawa jika di Sabah ini berlaku, maka beliau boleh mengesahkan bagi negeri-negeri lain."

"Memandangkan hal ini sudah dibangkitkan di peringkat mahkamah dan juga dari segi kuir undang-undang, maka tidak wajar rasanya bagi menteri berdiam sahaja dan selarasnya beliau memberi reaksi yang lebih positif supaya masa depan sektor pertanian kita dengan suasana masyarakat dan sosial ekonomi dapat diseragamkan semula dengan kekukuhan," kata Dr Rais. Turut hadir ialah Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Dr. Daud Yusof, Pengerusi PPN Sabah, Dato Mohd Nazri Abdullah dan para pemimpin perubahan peladang seluruh Sabah.

Headline	Dengar bantahan peladang: Rais		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	465 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 988
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,964



Dengar bantahan peladang: Rais

KOTA KINABALU: Ahli politik veteran, Tan Sri Dr Rais Yatim, berharap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mendengar dan mengambil kira bantahan daripada ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) yang menolak pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019, yang mereka sifatkan sebagai satu bentuk campur tangan politik dalam pertubuhan itu.

"Saya kira sektor perladangan yang secara nasionalnya diwakili oleh persatuan peladang kita dan pengurusan di bawah lembaganya, serta naungan pihak Menteri Pertanian, perlu dilihat dalam konteks pembangunan negara dan dalam masa yang sama, sepenuh penghargaan harus juga diberi kepada akar umbi.

"Ini bermakna suara akar umbi itu lebih penting daripada kuasa eksekutif. Jadi dalam konteks pemilihan pemimpin di akar umbi harus lebih penekannya, sebagai penghormatan kepada rakyat berbanding dengan kuasa melantik, yang seharusnya lebih rendah daripada kuasa mesyuarat agung," kata Dr Rais yang juga Pengerusi Yayasan Budi, kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Tahunan PPN Sabah ke-32 di Hotel Promenade di sini, pada Khamis lepas.

Bekas Menteri Persekutuan itu merujuk kepada permasalahan yang berpunca daripada pewartaan tersebut, yang mana PPN Kedah, semasa mesyuarat agungnya pada 26 September lalu, hampir sebulat suara menolak pewartaan berkenaan dan keputusan tersebut mungkin mempengaruhi PPN di negeri lain yang bakal mengadakan mesyuarat agung masing-masing dalam masa terdekat.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd Saman, dilaporkan berkata, menerusi pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019, membolehkan sebahagian Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan PPN dilantik melalui kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kata beliau, di peringkat Nafas, seramai enam AJP Nafas boleh dilantik di bawah kuasa menteri itu dan hanya lima orang melalui pemilihan mesyuarat agung pertubuhan tersebut. Manakala di peringkat PPN, seramai lima AJP PPN boleh dilantik oleh menteri terlibat dan empat orang sa-



DR RAIS (kedua dari kanan) diringi oleh Mohd Nazri (kanan) berucap dengan pemimpin peladang.

haja dipilih melalui mesyuarat agung PPN.

"Ini jelas menunjukkan PPN menolak sebarang bentuk campur tangan politik dalam pertubuhan peladang (PPN) dan perkara ini disuarakan melalui mesyuarat agung," kata Abdul Lateh.

Sebelum ini, kesemua 42 PPK yang menaungi 100,000 orang petani di negeri itu membantah sekeras-kerasnya terhadap pindaan komposisi AJP pertubuhan itu yang dianggap campur tangan politik.

Pindaan yang berkuat kuasa 1 Mei lalu itu, mencabul hak ahli-ahli pertubuhan dan "merampas" kuasa mereka untuk melantik AJP di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melakukan pewartaan terhadap Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 itu pada April untuk mentransformasikan kepimpinan Pertubuhan Peladang di tiga peringkat iaitu PPK, PPN dan Nafas.

Dr Rais berkata dalam konteks pertubuhan peladang di Sabah, seperti di negeri lain, kuasa

menentukan pemimpin dan ahli jawatankuasa harus melebihi bilangan yang dilantik oleh menteri.

"Ini yang terbaik. Suasana ini harus diperbaiki dan sekiranya perwakilan itu lebih kepada pelantikan (oleh Menteri) maka imej yang kurang baik, apatah lagi kalau mereka dari golongan tertentu saja.

"Ini akan memberi keadaan yang tidak berimbang. Mengikut lunas 'Common Law', orang-orang yang dipilih oleh rakyat perlu diberi lebih keutamaan daripada kuasa eksekutif yang melantik.

"Ini penting agar produktiviti itu dapat kita langungkan dalam suasana muhibbah dan kuasa yang terserah kepada masyarakat," katanya.

Dr Rais berkata beliau akan berhubung dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tentang perkara berkenaan.

Turut hadir Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Dr. Daud Yusof dan Pengerusi PPN Sabah, Dato' Mohd Nazri Abdullah.

Headline	Rais: Heed objections to amendment by farmers		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	05 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	363 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,928
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,785



Rais: Heed objections to amendment by farmers

Larry Ralon

KOTA KINABALU: Tan Sri Dr Rais Yatim (pic) hoped the Agriculture and Agro-based Industry Minister would listen and take into consideration the objections by the State Farmers Organisations (PPNs) that rejected the gazetting of the Farmers Organisation Regulations (Amendment) 2019, which they described as a form of political interference in the organisation.



"I take that the farming sector, which in overall is represented by our farmers associations and managed under their board and also under the Agriculture and Agro-based Industry Minister, needs to be looked at in the context of the country's development.

"At the same time, the appreciation should be given to the grassroots (farmers).

"Meaning the voices of the grassroots are more important from the executive power. So in the context of election of farmers' leaders, the grassroots should be given more priority, as a form of recognition to the people, compared to the power to appoint, which should be lower than the power of the general meeting," said Dr Rais, who is Chairman of Yayasan Budi, after he officiated the Sabah PNN Annual General Meeting at Promenade Hotel, here, Thursday.

The former federal Minister was referring to the problem arising from the gazetting of the said regulations where Kedah PPN, during its general meeting on Sept 26, nearly unanimously rejected it and this may influence the other PPNs which are also expected to hold their respective general meetings soon.

Kedah PPN Chairman Datuk Abdul Latah Mohd Saman had said the gazetting of the Farmers Organisation Regulations (Amendment) 2019 enables more than half of members of the Board of Directors of the National Farmers Organisation (Nafas) and PPN to be appointed through the power of the Minister.

He said for Nafas, six of its Board of Directors can be appointed by the Minister and only five through election in the organisation's general meeting, while for PPN, five directors can be

appointed by the Minister and four elected through its general meeting.

"This shows that clearly PPN rejects any form of political interference in PPN and the matter is voiced out through the general meeting," said Abdul Latah.

Before that, all 42 Area Farmers Associations in Kedah have strongly objected to the amendment to the organisation's Board of Director composition, which they described as political interference.

The amendment, which took effect on May 1, was said to have violated the rights of the organisation members and "seized" their power to appoint members of the Board of Directors at three levels that represent their voices.

The Agriculture and Agro-based Ministry had gazetted the Farmers Organisation Regulations (Amendment) 2019 in April this year as part of transformation for the three levels of farmers organisation leadership, namely PPK, PPN and Nafas.

Dr Rais said in the context of the farmers association in Sabah, like in the other states, the power to decide on the leadership and committee members should be more than the number to be appointed by the said Minister.

"This will create an imbalance situation. Even according to the Common Law, those elected by the people need to be given more priority than the executive power that appoints. So in the farmers association, this needs to be respected so we have a uniformed trend throughout the country," he said.

When asked, Dr Rais said he had contacted the Minister on the matter.

"Only the Minister concerned can make any exception if in Sabah a decision can be made to have five board of director members be elected in the general meeting, against only four. And the Minister himself can say that if in Sabah that can be done he can also confirm for the rest of the other states.

"Even if this matter has already been raised in the court, it is not appropriate for the Minister to stay silent as he should give a more positive reaction so that the future of our agriculture sector and community and the social economic aspects can be realigned and strengthened," said Dr Rais.

5/10/2019

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

S7

Petani tanggung kerugian

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **MARAN 4 OKT.**

HARGA pasaran yang tidak menentu bukan sahaja menjejaskan pekebun kecil kelapa sawit dan getah tetapi juga golongan petani yang terlibat dalam penanaman sayur-sayuran.

Kadangkala usaha petani membanting tenaga dan mengeluarkan modal bagaikan sia-sia apabila harga jualan terlalu rendah sehingga menyebabkan mereka terpaksa menanggung

kerugian.

Seorang petani, Syed Hassan Syed Agil, 50, berkata, antara cabaran utamanya yang mengusahakan pertanian fertisasi timun dan cili besar pada masa ini ialah masalah ketidaktentuan harga.

"Pada masa sekarang banyak cabaran dan antaranya adalah harga yang tidak menentu, contohnya harga timun pernah mencecah 30 sen sekilogram menanggung kerugian.

"Kalau harga timun di bawah RM1, petani akan rugi begitu juga harga cili besar kalau di bawah RM4 menyebabkan petani rugi, jadi kami berharap kerajaan akan dapat membantu meredakan beban kami," katanya ketika ditemui dalam Program

Penemuan Pengeluar dan Pengeksport Tanaman Agromakanan Jabatan Pertanian Pahang di Dewan Besar Akademi Usahawan Tani Pahang di sini semalam.



**SYED HASSAN
SYED AGIL**

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Mohd. Sofhi Abdul Razak dan Pengarah Pertanian negeri, Datuk Zahimi Hassan.

Syed Hassan berkata, dia yang bergantung kepada pertanian bagi menyara kehidupan berharap kerajaan dapat membantu petani khususnya yang mengalami masalah dan kerugian.

Selain itu, dia juga berharap kerajaan dapat membantu dari segi infrastruktur pertanian bagi membolehkan petani bu miputera memperluaskan lagi penanaman.

Headline	Jawatankuasa penyelararas bakal dibentuk		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Oct 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	453 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,696
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,087



Jawatankuasa penyelararas bakal dibentuk



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan cenderamata kepada **Hong Jok Hon** ketika kunjungan hormat delegasi MFFA di pejabatnya, semalam.

KUCHING: Sebuah jawatankuasa penyelararas yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas akan dibentuk tidak lama lagi di antara Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia (MFFA) dan Jabatan Pertanian.

Objektif MFFA adalah untuk membantu pekebun buah supaya membangun dan berjaya dalam pertanian mereka.

Ia juga untuk mengkaji sebarang cadangan oleh ahli-ahli persatuan mengenai penyertaan mereka

di negeri ini.

Ini adalah antara keputusan yang dicapai pada pertemuan antara delegasi MFFA yang diketuai oleh presiden mereka, Hong Jok Hon dan Uggah di pejabatnya di sini, semalam.

Kunjungan Hong atau "Pak Hon" (panggilan manja dalam industri) turut disertai Pengerusi Cawangannya dari Sabah Dato Ting Siew Haw, dari Sarawak Tho Tze Bing, Naib Pengerusi, Dato Chong Yew Chee dan lain-lain.

Turut hadir ialah Menteri Muda Pembangunan

Tanah Adat Sarawak, Datuk Roland Sagah, Menteri Muda Pertanian Dr. Abdul Rahman Ismail, Setiausaha Tetap, Kementerian Penedanaan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Awang Johari Awang Mustapha serta Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Dr. Alyvin Chai.

Uggah berkata, anggota MFFA boleh membawa pengalaman, pengetahuan dan kepakaran teknikal mereka di samping mempunyai hubungan pemasaran yang baik dengan pasaran besar

seperti China, Singapura dan Taiwan.

"Sektor pertanian negeri memfokuskan usaha untuk menjadikan negeri pengeluar makanan dan makanan bersih menjelang 2030.

"Menjelang akhir tahun ini kita telah mengenal pasti kira-kira dua juta hektar di seluruh negeri untuk pembangunan pertanian moden.

"Kami akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti jenis tanah dan tanaman terbaik untuk setiap jenis tanah dan pasti mengalu-alukan penyertaan MFFA," katanya. Jelas Menteri Pertanian,

Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah itu lagi, terdapat 250,000 pekebun kecil di negeri ini.

"Kami mahu mereka pergi ke pertanian moden dan komersial dan bukannya menghasilkan hanya untuk penggunaan secara tradisional.

"Kami kini menumpukan pada penanaman nanas, pisang, kelapa, jagung, manggis, rambutan, durian tempatan dan dabai.

"Menjelang akhir tahun ini, kami merancang untuk menubuhkan lebih banyak syarikat utama, koleksi, Pusat Pemrosesan dan Pembungkusan (CPPC) di negeri ini untuk membeli daripada mereka selain meningkatkan pengetahuan pertanian moden," katanya.

Dalam pada itu, terdapat rancangan untuk tiga pusat penyelidikan serantau selain pusat kecemerlangan.

Uggah menambah, kerajaan Sarawak akan membina jalan dan lapangan terbang untuk mengeluarkan produk tersebut di kawasan pedalaman.

Beliau juga sangat gembira dengan keghairahan ahli MFFA untuk mengambil bahagian dan membantu negeri menjadi kawasan

'bakul makanan' utama di negeri ini.

Hong dalam ucapannya berkata MFFA mempunyai 12 cawangan dan 2,200 ahlinya adalah petani.

Katanya, mereka bersedia membantu pekebun kecil tempatan dalam memproses, memproduksi dan menanam teknologi mereka.

"Kami juga mempunyai pasaran di negara seperti China, Taiwan, Singapura dan tidak lama lagi Timur Tengah."

Dalam ucapannya juga, Dato Chong Yew Chee yang juga Presiden (2018-2020) Kesatuan Sedunia bagi Persatuan Pertanian (WUAA) berkata, Sarawak kini merupakan sempadan baharu untuk pertanian buah dengan tanah subur yang masih luas dan bebas daripada penyakit tumbuhan.

Beliau berkata selain menjadi seorang petani, tujuannya adalah menganjurkan pameran pertanian selain menyusun 38 pameran di seluruh China setiap tahun termasuk Pameran Canton.

"Kami boleh mempromosikan produk Sarawak ke pasaran yang lebih luas di seluruh dunia dalam pameran sedemikian," ujarnya.